

UKM anjur larian Go Green di Bangi, Mei depan

SERAMAI 2,000 peserta dari dalam dan luar negara dijangka memerahkan larian MY10K@UKM Go Green di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada 15 Mei depan, lapor **SITI SARAH NURUL LIYANA**.

Pengarah Eksekutif Kewangan Jabatan Bendahari UKM

merangka Pengerusi Jawatankuasa Program, Khalijah Bakar berkata, penganjuran larian kali pertama itu bertujuan untuk membuka peluang kepada para peserta

untuk menjelajah kawasan hijau dalam kampus yang agak jarang diterokai.

Tambahnya lagi, acara larian yang menjanjikan hadiah keseluruhan bernilai RM5,600 itu juga bertujuan untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan cergas dalam kalangan masyarakat.

"Ini merupakan acara larian Go Green pertama yang kami anjurkan. Terdapat dua jarak larian iaitu 5 kilometer (km) dan 10km. Bagi jarak 5km, peserta akan melalui kawasan hutan dan kampus, manakala bagi kategori 10km, peserta akan dapat merasai laluan ladang sawit.

"Ini merupakan suatu pengalaman yang pasti sukar untuk dirasai. Ramai yang tidak tahu

terdapat kawasan hutan yang hijau serta kawasan perumahan di sebalik kampus besar ini.

"Justeru, kali ini kami mengambil inisiatif untuk memberi peluang kepada orang ramai meneroka sendiri kawasan tersebut di samping bersenam dan merebut hadiah yang di-

tawarkan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Selain larian, terdapat cabutan bertuah, pameran promosi Go Green, trak makanan, kawasan minum dan khemah perubatan untuk nasihat dan khidmat percuma.

Peserta yang berminat boleh melayari *Myraceonline.com* atau hubungi Aishah di talian **019-2007569** atau Crystal **013-8828177**.

